

# Tidak perlu bimbang langkah ekstradisi Uighur

**BATU PAHAT 10 Feb.** - Negara lain tidak perlu khuatir atau gusar dengan sebarang tindakan diambil Malaysia berhubung permohonan China meminta Malaysiamengekstradisi sebanyak 11 etnik Uighur dari republik itu yang ditahan di negara ini selepas meloloskan diri dari penjara Thailand tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, Malaysia sudah

menerima permintaan rasmi dari China untuk menghantar pulang 11 individu terbabit yang ditangkap di Thailand setelah masuk negara itu dari wilayah Yunan.

Menurutnya, prinsip Malaysia adalah jika sesebuah negara memohon supaya rakyat mereka diekstradisi, maka keputusan yang akan dibuat kerajaan ialah merujuk Bantuan Perundangan Bersama (MLA) dan perjanjian ekstradisi.

“Oleh kerana kita mempunyai MLA dan juga perjanjian ekstradisi dengan China, maka ia harus dihormati kerana sebelum itu kita juga telah melakukan beberapa terjemahan kepada perjanjian itu membabitkan rakyat Malaysia.

“Jadi, permintaan dari negara China telah kita beri pertimbangan dan PDRM melakukan siasatan terperinci untuk memperoleh maklumat risikan jika ada dalam kalangan

mereka terlibat sebagai anggota Daesh,” katanya sebagai mengulas laporan agensi berita asing, *Reuters* yang memetik sumber bahawa 11 etnik Uighur ditahan di negara ini dan China sedang berbincang dengan kerajaan Malaysia untuk mengekstradisikan mereka.

Ahmad Zahid turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM2 juta untuk pembangunan kampus UTHM di Tanjong Laboh.